

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 25 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L11498
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah visi jangka panjang bagi peralihan tenaga Malaysia dan bagaimanakah visi ini dianggap selaras dengan matlamat iklim global seperti Perjanjian Iklim Paris.
2. PN-1532-L11640
Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pemantauan berkala oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap daya tahan dan perkembangan usia pokok-pokok besar di Kuala Lumpur yang dilaksanakan susulan banyak insiden pokok besar yang telah berusia tumbang kebelakangan ini yang membahayakan warga kota.
3. PN-1532-L11669
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama yang menghubungkan Bentong, Pahang dengan Kuala Krai, Kelantan yang telah mengalami kelewatan akibat pandemik COVID-19 dan langkah-langkah bagi mengurangkan kelewatan dan memastikan ia siap mengikut jadual.
4. PN-1532-L11575
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan strategi menyeluruh untuk mempromosikan minyak sawit lestari di pasaran antarabangsa serta langkah-langkah terbaharu untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh industri ini berikutan kempen anti-sawit global.

5. PN-1532-L11561
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratusan pencarum yang memilih untuk memindahkan caruman ke dalam Akaun 3 dan membuat pengeluaran sehingga kini serta apakah implikasi besar dari segi ekonomi kepada KWSP dan negara ekoran pengumuman Akaun 3 KWSP pada Mei 2024.

6. PN-1532-L11969
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) rancangan Kementerian untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pencegahan dan pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD), terutamanya dalam kalangan generasi muda dengan peningkatan kes penyakit seperti diabetes, hipertensi dan penyakit jantung di Malaysia; dan
 - (b) apakah langkah-langkah dan pelan tindakan Kementerian bersama-sama dengan penyedia penjagaan kesihatan swasta untuk mengurangkan bilangan penghidap penyakit-penyakit ini.

7. PN-1532-L11797
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimanakah Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 berupaya memperkukuh sistem keselamatan maritim yang melibatkan sempadan wilayah Sabah dan berapakah anggaran perbelanjaan dalam pengurusan serta pembangunan dalam menjayakan setiap pemerolehan aset dan penstrukturan semula organisasi TLDM yang terlibat dalam pelan transformasi tersebut.

8. PN-1532-L11694
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
 - (a) status terkini dalam pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura; dan
 - (b) apakah sektor industri yang telah diutamakan dan apakah insentif dan kemudahan yang akan diwujudkan.

9. PN-1532-L12328
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha dan tarikan pihak Kerajaan dalam meningkatkan pelancong ke negeri Kelantan khususnya terdapat peningkatan pelancong dari negara sempadan baru-baru ini.

10. PN-1532-L12297
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah drastik Kementerian terhadap keperluan ahli-ahli akademik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam menggali ilmu "kearifan watan" seperti etnosains, etnoteknologi dan etnoperubatan untuk memastikan ilmu-ilmu warisan itu tidak sirna, dan sebaliknya dipadukan dengan ilmu-ilmu moden, khasnya yang diambil daripada tradisi ilmu Barat.

11. PN-1532-L11930
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik kanak-kanak yang tidak mendapat pendidikan sekolah rendah dalam tempoh dua tahun yang lepas dan tahun semasa, serta apakah tindakan Kementerian untuk memastikan hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan sentiasa terpelihara.

12. PN-1532-L11622
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif pihak Kerajaan bagi meletakkan tapak arkeologi Lembah Bujang dan Sungai Batu sebagai sebuah produk pelancongan terhebat di utara tanah air.

13. PN-1532-L12031
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha terkini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengkaji semula Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) untuk pegawai perubatan dan pakar perubatan dan adakah ETAP juga akan diperluaskan kepada golongan sokongan kerana ramai yang bertugas atas panggilan secara pasif tetapi tidak dibayar.

14. PN-1532-L11598
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak menduduki peperiksaan pada tahun ini dan apakah langkah oleh Kementerian dalam memastikan calon yang berdaftar menduduki peperiksaan yang ditetapkan kecuali dengan alasan yang munasabah.

15. PN-1532-L11817
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil Kementerian untuk memperbaiki kebebasan media di negara ini berikutan Malaysia berada di kedudukan ke-107 dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2024 berbanding tangga ke-73 tahun 2023.

16. PN-1532-L12316
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang diambil untuk menjadikan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul dalam pengembangan budaya dan warisan negara.
17. PN-1532-L12041
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah status terkini pelan Kementerian untuk menaik taraf penuai kelapa sawit ke tahap penuai pakar (*specialist harvesters*) supaya ia dapat menarik lebih ramai pekerja tempatan untuk berkecimpung dalam bidang ini dengan tangga gaji yang lebih tinggi.
18. PN-1532-L11583
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyemak semula dasar *two-state solutions* berkaitan konflik Palestin-Israel berikutan tindakan Israel yang langsung tidak menunjukkan komitmen ke arah itu dan adakah Kerajaan bersedia untuk menyatakan pendirian secara lebih agresif dengan menarik sokongan ke atas dasar yang bersifat status-quo tersebut.
19. PN-1532-L12284
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) statistik dan unjuran perubahan miskin tegar di negeri Sabah; dan
 - (b) sejauh manakah perkembangan inisiatif menoktahkan miskin tegar yang perlu diselesaikan menjelang Julai 2024.
20. PN-1532-L12251
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah peruntukan khusus sebanyak RM50 juta bagi menjayakan projek rintis Dasar Gaji Progresif dimanfaatkan secara menyeluruh; dan
 - (b) bagaimanakah projek rintis tersebut berupaya mendorong syarikat-syarikat swasta yang lain untuk bersama-sama menaikkan gaji pekerja secara progresif tanpa membebankan aliran tunai mereka.

21. PN-1532-L11646

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengapakah Tourism Malaysia tidak mengambil bahagian dalam World Travel Market (WTM) yang diadakan di London pada hujung tahun ini memandangkan ini adalah satu platform yang bagus untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2026.

22. PN-1532-L11917

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif Kementerian untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan badan-badan profesional negara bagi menyesuaikan polisi sedia ada seperti syarat layak kemasukan bertaraf global agar negara tidak ketinggalan, contohnya membenarkan syarat kelayakan alternatif untuk pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pendidikan tinggi dalam negara tetapi tidak mempunyai minat untuk meneruskan amalan kerjaya profesional di Malaysia.

23. PN-1532-L11687

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah permohonan berkaitan dokumen kanak-kanak yang lahir tanpa kewarganegaraan diterima dan berapakah jumlah yang telah diselesaikan sepanjang 2023 hingga Jun 2024 serta apakah kekangan yang dihadapi dalam membantu membolehkan kanak-kanak ini mendapat dokumen bagi urusan persekolahan.

24. PN-1532-L11494

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha strategik Kerajaan dalam membantu industri produk fertigasi seperti cili, halia dan jagung bagi memenuhi kehendak domestik dan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membangunkan pelan rantai bekalan pertanian fertigasi dalam tempoh 10 tahun akan datang.

25. PN-1532-L11856

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan ekonomi yang positif daripada pusat data kepada ekonomi Malaysia memandangkan pusat data menggunakan banyak elektrik dan air manakala pewujudan peluang pekerjaan adalah rendah.

26. PN-1532-L12147
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah kesan kenaikan dan rasionalisasi subsidi diesel ke atas usahawan kecil dan desa serta bagaimanakah Kerajaan membantu dan meringankan kos operasi mereka dalam situasi dan trend kenaikan kos barangan kini.
27. PN-1532-L12071
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perincian mengenai inisiatif yang diambil untuk memperkasakan sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia termasuk sokongan kewangan dan teknikal yang disediakan kepada inovator tempatan serta usaha untuk mengkomersialkan hasil R&D.
28. PN-1532-L12118
Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status dan statistik terkini terhadap kes salah laku penjawat awam; dan
 - (b) apakah langkah proaktif di peringkat Kementerian untuk mengekang salah laku dalam kalangan penjawat awam yang semakin buruk di mata rakyat.
29. PN-1532-L12135
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membendung isu diskriminasi kaum dalam isu menyewa dan penjualan rumah.
30. PN-1532-L12195
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah serta peratusan belia dan wanita yang dipilih sebagai pengerusi Rukun Tetangga di seluruh negara.
31. PN-1532-L12338
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan terkini undang-undang baharu yang akan dibentangkan bagi menghadapi bahaya 3R (Race, Religion and Royalty) yang semakin menular hari ini.

32. PN-1532-L12167

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah efektif Kerajaan dalam membasmi pelepasan ikan-ikan bukan dari Malaysia seperti Suckermouth Catfish atau Ikan Bandaraya yang banyak merosakkan ekosistem perairan negara.

33. PN-1532-L11870

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memberi gesaan dan tekanan di peringkat antarabangsa demi menghentikan krisis kemanusiaan dan kekejaman Zionis Israel ke atas rakyat Palestin di Semenanjung Gaza.

34. PN-1532-L11610

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan Tadika Perpaduan di luar bandar Negeri Sarawak terutamanya di daerah Belaga dan apakah kriteria yang diperlukan untuk membina sebuah Tadika Perpaduan.

35. PN-1532-L11722

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap menara-menara telekomunikasi yang sudah dibina namun tidak berfungsi di bawah seliaan Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan juga aduan penduduk berkenaan pembayaran yang tidak diterima bagi sewaan tanah untuk pembinaan menara telekomunikasi.

36. PN-1532-L12304

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani keberadaan ramai pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

37. PN-1532-L11637

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat akses terhadap pendidikan berkualiti yang adil selari dengan konteks kepelbagaian sosial dan keadilan; dan
- (b) adakah terdapat dasar baru yang direncanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan aksesibiliti ini secara lebih meluas.

38. PN-1532-L11447
Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah rumah yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dari tahun 2022-2023 dan adakah semua rumah tersebut dibina meliputi kemudahan-kemudahan OKU.
39. PN-1532-L11878
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah jumlah terkini Tanah Rizab Melayu yang terdapat di seluruh negara serta apakah punca berlakunya pengurangan Tanah Rizab Melayu ini seperti mana yang dilaporkan oleh media.
40. PN-1532-L11980
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2022 dan 2023 dan apakah strategi serta pelan tindakan Kementerian jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani masalah ini.
41. PN-1532-L12243
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang diambil oleh Kerajaan dalam mereformasi integriti penguatkuasa dalam kalangan pegawai dan anggota Kerajaan agar isu sindiket kontena terbang (*flying containers*) tidak lagi berlaku pada masa akan datang.
42. PN-1532-L11759
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan terkini di pihak Kementerian berkaitan dengan proses mewujudkan satu dasar baharu dalam usaha menghadapi isu negara menua secara holistik.
43. PN-1532-L12042
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan di bawah Kementerian yang telah dibelanjakan semenjak Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadah Bukan Islam (RIBI) dimulakan mengikut kategori negeri dan juga kategori rumah ibadah Hindu, Buddha, Kristian, Sikh dan lain-lain.

44. PN-1532-L12235

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan standard penilaian yang digunakan untuk menilai pencapaian murid keciciran pembelajaran pasca COVID-19 dan sejauh manakah keberkesanan program intervensi yang telah dilaksanakan.

45. PN-1532-L12268

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kewajaran pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 dalam mengangkat martabat pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa dan bagaimanakah Kerajaan-kerajaan negeri boleh berperanan secara langsung dan proaktif ke arah menjayakan pelan pembangunan tersebut.

46. PN-1532-L11898

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status keseluruhan proses projek penggantian saluran paip di Sarawak dan peratusan penggunaan air domestik harian di Malaysia.

47. PN-1532-L11681

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian memerlukan Timbalan Menteri khusus dalam menguruskan hal ehwal belia sahaja kerana pada masa kini Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dilihat lebih menyerlah dan memberi tumpuan terhadap bidang sukan dan menjadikan kegiatan aktiviti belia terabai.

48. PN-1532-L11480

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian bekerjasama dengan industri automotif untuk mempercepatkan penerapan teknologi enjin hibrid dan sistem pengurusan tenaga pintar dalam kenderaan.

49. PN-1532-L11742

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji dan memasukkan kembali Sekolah Kebangsaan (SK) Nanga Oyan, Mujong, Sarawak dalam senarai kategori sekolah daif bagi dimasukkan dalam *rolling plan* Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

50. PN-1532-L11966

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakan reformasi persaraan dan pencen melalui sistem hibrid dua skim seperti yang dicadangkan oleh pelbagai pihak memandangkan negara akan mencapai negara tua (*aged nation*) menjelang 2043.

51. PN-1532-L12161

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan dasar dan pendekatan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang dilaksanakan di bawah Kerajaan serta bagaimanakah kaedah terbaik bagi penggunaan teknologi AI untuk diimplementasikan dalam kehidupan rakyat.

52. PN-1532-L11809

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kebertanggungjawaban dalam menyelesaikan pembayaran tertunda dan berjadual dianggarkan berjumlah lebih RM200 juta lagi bagi tahun 2023 dan 2024 bagi Kerajaan Negeri Terengganu akibat tunggakan royalti petroleum dan budaya politik diskriminasi yang diamalkan Kerajaan Perpaduan MADANI.

53. PN-1532-L11518

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan Kementerian bagi memastikan keseimbangan perkhidmatan kesihatan antara kawasan luar bandar dan bandar, serta antara sektor awam dan swasta.

54. PN-1532-L11942

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan khas untuk kerja-kerja ukur tanah Orang Asli Semenanjung Malaysia sehingga kini; dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapa buah kampung yang telah selesai diukur, dan berapa buah kampung pula yang telah mendapat pengiktirafan Pihak Berkuasa Negeri dan mewartakannya.

55. PN-1532-L12348

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan bagi memastikan infrastruktur Sabah dan Sarawak berada di tahap yang optimum sebagai persediaan perpindahan ibu negara Indonesia ke Nusantara, Kalimantan.

56. PN-1532-L12175

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengehendkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri kepada maksimum 10 tahun.

57. PN-1532-L12126

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) inisiatif untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pemakanan kanak-kanak dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah memandangkan kajian menunjukkan bahawa 52 peratus kanak-kanak makan kurang tiga kali sehari dan pengambilan mi segera meningkat sebanyak 46 peratus; dan
- (b) adakah terdapat program pemakanan yang telah dijalankan untuk memastikan kanak-kanak mendapat nutrisi yang mencukupi.

58. PN-1532-L12321

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan keberkesanan program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI setakat ini dan apakah langkah susulan untuk meningkatkan keberkesanan program tersebut.

59. PN-1532-L12155

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz di institusi tahfiz dan pondok di seluruh negara agar lepasan institusi ini menikmati keupayaan pasaran pekerjaan yang lebih luas dan imbuhan pendapatannya yang tinggi.

60. PN-1532-L11551

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk memperluaskan penanaman tebu dalam usaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap import gula mentah.

61. PN-1532-L11565
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian mengenai Pelan Reformasi Pembiayaan Penjagaan Kesihatan termasuk inisiatif untuk mengurangkan waktu menunggu di hospital Kerajaan dan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.
62. PN-1532-L11735
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik jumlah homoseksual di Malaysia ketika ini dan apakah langkah intervensi yang strategik bagi membendung perkembangan kelompok homoseksual ini dalam negara.
63. PN-1532-L12293
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penswastaaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) tidak akan mengakibatkan kenaikan tambang yang berlebihan bagi semua jenis penerbangan khususnya bagi sektor domestik seperti ke negeri Sabah dan Sarawak.
64. PN-1532-L11828
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan status terkini Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan pengendalian kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.
65. PN-1532-L12011
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan peniaga-peniaga kecil khasnya di dalam usaha Kerajaan ke arah Sifar Penggunaan Plastik .
66. PN-1532-L11630
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah persediaan Kerajaan terhadap isu persetujuan antara Vietnam dan Filipina untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan pos pengawal pantai kedua-dua negara dan juga sempadan negara Malaysia di Laut China Selatan yang seringkali dicerobohi.

67. PN-1532-L11531

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian dalam mengatasi isu peletakan jawatan yang agak merisaukan dalam kalangan pegawai perubatan; dan
- (b) berapakah jumlah pakar perubatan KKM yang telah meletakkan jawatan sejak Disember 2022 sehingga kini mengikut bidang pengkhususan.

68. PN-1532-L11717

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan sistem teknologi *High Speed-Weigh in Motion* dan apakah perancangan dalam penyediaan kawasan rehat khas kepada pemandu kenderaan berat yang melalui laluan lebuhraya.

69. PN-1532-L11999

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian akan membuat kajian semula berkenaan jumlah penerima bantuan bulanan iaitu penerima di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandangkan kebanyakan masyarakat mengalami masalah kewangan disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

70. PN-1532-L11836

Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah penekanan yang bakal diberikan oleh Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 serta manfaat yang dijangka akan diperolehi oleh negara dan rantau ini.

71. PN-1532-L11506

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah Malaysia berkolaborasi dengan negara lain dan organisasi antarabangsa untuk memajukan keupayaan bidang sains teknologi dan inovasi.

72. PN-1532-L11910

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jangkaan siap sepenuhnya bagi pembinaan simpang belok ke kanan (*right turn*) di persimpangan Meruton/Merudu dan Saratok ke Pekan Jakar, Sarikei.

73. PN-1532-L11803
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendekatan yang dilaksanakan untuk mengekang perbuatan salah laku serta salah guna kuasa dalam kalangan pegawai penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memandangkan JPJ merupakan agensi penguat kuasa Kerajaan yang kedua tertinggi direkodkan dengan laporan pelanggaran integriti kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).
74. PN-1532-L11784
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan drastik Kerajaan untuk mengawal pencemaran sungai yang semakin berleluasa agar dapat mengekalkan ekosistem semula jadi.
75. PN-1532-L11468
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan bercadang untuk membentangkan Rang Undang-undang Ombudsman yang telah disebut beberapa tahun yang lepas untuk memastikan penjawat awam sentiasa berintegriti, amanah dan jujur dalam melaksanakan tanggungjawab dan mengurangkan salah laku rasuah.
76. PN-1532-L11651
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
(a) sasaran pewartaan tanah Orang Asli bagi tahun 2024; dan
(b) jumlah yang telah diwarta setakat Jun 2024.
77. PN-1532-L11661
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan dan usaha penyelesaian pihak Kerajaan mengenai pekerja Islam yang bekerja di bank konvensional yang merupakan institusi perbankan yang terlibat dengan riba .
78. PN-1532-L11773
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
(a) tindakan yang diambil terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) yang menjalankan perniagaan tanpa lesen atau secara haram di Kuala Lumpur; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan penalti yang tinggi dan menghantar pulang ke negara asal bagi PATI yang masih menjalankan perniagaan walaupun telah dikenakan kompaun.

79. PN-1532-L12058

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah dan strategi yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kemalangan jalan raya yang semakin meningkat, terutamanya melibatkan pemandu mabuk dan penagih dadah serta bila ia akan dilaksanakan.

80. PN-1532-L11439

Senator Tuan Isaiyah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kejayaan pusat-pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) diseluruh negara pada tahun 2023.

81. PN-1532-L11615

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap isu agensi persekutuan di luar bandar terpaksa menyewa bangunan kedai dan ruang yang sempit untuk menempatkan pegawai-pegawai kerana peruntukan terhad dan banyak kekangan lain seperti contohnya agensi persekutuan di daerah Belaga.

82. PN-1532-L11918

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah tindakan pihak Kerajaan bagi menyelesaikan masalah banjir yang kerap kali berlaku di wilayah Sabah dan telah meragut nyawa dalam insiden banjir pada hujung bulan Jun tahun 2024 yang lalu.

83. PN-1532-L11789

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Dasar TVET Negara 2030 dapat menjadi jambatan teguh kepada generasi muda di luar bandar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan tegar.

84. PN-1532-L12215

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang diambil oleh Malaysia di peringkat institusi antarabangsa seperti United Nations, International Human Rights Commission, United Nations Children's Fund, World Health Organization dan lain-lain agar dapat menamatkan kekejaman rejim Zionis-Israel yang terus menzalimi rakyat Palestin.

85. PN-1532-L12276

Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kelulusan lesen kasino di kawasan Forest City untuk memajukan kawasan berkenaan dalam waktu yang singkat.

86. PN-1532-L12187

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjawat awam atau pesara kerajaan yang dibatalkan pencen akibat kesalahan tatatertib antara tahun 2020 hingga 2024.

87. PN-1532-L12260

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah kerjasama Malaysia-Jepun dalam bidang penanaman ubi kayu mampu membuka lembaran baharu pada masa hadapan kepada rakyat untuk memanfaatkan hasil tani tersebut sebagai satu alternatif sumber karbohidrat yang relevan dengan agenda kesihatan negara.

88. PN-1532-L12020

Senator Datuk Nelson W Angang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi tahun 2023 dan 2024 dan daripada jumlah peruntukan tersebut, berapakah telah disalurkan secara khusus bagi tujuan kos-kos operasi kepada Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

89. PN-1532-L12004

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik jumlah jururawat yang bekerja secara sepenuh masa sehingga kini dan cara penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat ketika ini.

90. PN-1532-L11751

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) statistik terkini bagi pelaksanaan program Malaysia Short-term Employment Programme (MySTEP) dan keberhasilan program ini dalam membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan; dan
- (b) adakah kesemua peserta program MySTEP ini dicarumkan dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

91. PN-1532-L11590

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan taska yang tidak berdaftar dengan Kementerian dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian ke atas taska yang tidak berdaftar.

92. PN-1532-L11890

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan punca dan trend peningkatan kes penularan penyakit tibi yang menjadi penyakit utama di Malaysia.

93. PN-1532-L11546

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada 'broker' kelapa sawit dalam mengekalkan daya saing eksport dengan negara jiran yang juga pengeluar kelapa sawit.

94. PN-1532-L11526

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk membuka kembali Skim Pinjaman Perumahan (SPP) kepada golongan berpendapatan rendah dengan cadangan menaikkan had gaji minimum untuk permohonan pinjaman ini.

95. PN-1532-L11984

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam mengatasi isu kekurangan tenaga penjaga warga emas di negara ini.

96. PN-1532-L11702

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) garis panduan keselamatan makanan terkini berkaitan pengawalan kandungan gula dalam pembuatan dan pengedaran susu formula bayi di Malaysia; dan
- (b) adakah tahap keselamatan makanan di Malaysia setaraf dengan negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

97. PN-1532-L11956

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian bagi menyekat pihak pembekal menaikkan harga sewenang-wenangnya walaupun harga barangan bagi sektor pembinaan meningkat hampir 30 peratus susulan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel baru-baru ini.

98. PN-1532-L11556

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan justifikasi penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Desa Madani (JKDM) ditubuhkan di Sabah dan Sarawak.

99. PN-1532-L12183

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan hasrat Kerajaan dalam memaksimumkan fasiliti PERWAJA yang dilihat usang terutamanya PERWAJA di Kedah.

100. PN-1532-L12227

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini berkenaan kajian hala tuju menaik taraf Lesen Memandu Malaysia (LMM) motosikal bagi kelas B2 kepada B secara automatik yang dijangka akan dimuktamadkan dalam pertengahan tahun 2024.

101. PN-1532-L12105

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah intervensi yang dilaksanakan ke atas sektor perdagangan dan peruncitan susulan *domino effect* akibat daripada pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel.

102. PN-1532-L12125

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) adakah Pangkalan Data Utama (PADU) digunakan sebagai *main repository* untuk mengenal pasti individu yang layak subsidi Kerajaan dan jika ya, mengapa rakyat masih perlu mendaftar di sistem yang lain seperti BUDI MADANI untuk subsidi diesel; dan
- (b) berapakah jumlah pendaftaran terkini sistem PADU dan apakah hala tuju dan usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan sistem tersebut mendapat kepercayaan dan galakan daripada rakyat Malaysia.

103. PN-1532-L11848

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan untuk mencegah kes penipuan dan penipuan transaksi.

104. PN-1532-L11992

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah platform media sosial yang paling banyak digunakan oleh rakyat Malaysia dalam tempoh tahun 2021 sehingga 2023 dan apakah tindakan Kerajaan dalam mengawal penyebaran berita-berita palsu di dalam platform tersebut.

105. PN-1532-L11488

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha yang dilakukan untuk mengurangkan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan graduan dan belia dan bagaimanakah Kementerian memastikan tenaga kerja Malaysia bersedia untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0.

106. PN-1532-L11905

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memperkukuhkan industri getah Malaysia dalam menghadapi suasana dan cabaran global serta meningkatkan kelestarian sektor ini dalam jangka masa panjang.

107. PN-1532-L12249

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan syarikat-syarikat teknologi maklumat bertaraf multinasional antarabangsa untuk melakukan pelaburan strategik dalam bidang teknologi tinggi seperti Kecerdasan Buatan (AI), Data Raya (Big Data), Pembelajaran Mesin (ML) dan Pemprosesan Bahasa Tabii (NLP) di Malaysia khususnya negeri Sabah.

108. PN-1532-L11727

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk mengangkat martabat sekolah aliran tahfiz yang berjaya menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam keputusan SPM baru-baru ini.

109. PN-1532-L12091

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pelajar yang akan ditawarkan kemasukan ke matrikulasi pada tahun 2024; dan
- (b) jumlah pelajar India dan Cina yang ditawarkan tempat dalam program matrikulasi bagi tahun 2024.

110. PN-1532-L12208

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes perjudian dalam talian dan apakah usaha Kerajaan dalam membanteras kegiatan tersebut yang semakin berleluasa sekarang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|------------------------|
| 1. | (D.R. 33/2024) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 34/2024) | Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 35/2024) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. | (D.R. 36/2024) | Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 5. | (D.R. 37/2024) | Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 6. | (D.R. 40/2024) | Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 7. | (D.R. 41/2024) | Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 8. | (D.R. 31/2024) | Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024

[Menteri Kesihatan] | Bacaan Kali Yang Kedua |

9. (D.R. 15/2024) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024
[Menteri Pengangkutan]
Bacaan Kali Yang Kedua
10. (D.R. 14/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024
[Menteri Pengangkutan]
Bacaan Kali Yang Kedua
11. (D.R. 21/2024) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024
[Menteri Digital]
Bacaan Kali Yang Kedua
12. (D.R. 7/2024) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2024
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup]
Bacaan Kali Yang Kedua
13. (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024
[Menteri Dalam Negeri]
Bacaan Kali Yang Kedua
14. (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024
[Menteri Dalam Negeri]
Bacaan Kali Yang Kedua